

PROSEDUR PENDAFTARAN *OCCUPATIONAL/INDUSTRY STANDARDS AND PRACTICES* (OISP) DALAM DAFTAR OISP

1.0 TUJUAN

Prosedur ini dibangunkan untuk memproses permohonan OISP bagi penyenaiaan dalam Daftar OISP. Ini dapat memastikan OISP yang disenaraikan mematuhi kriteria untuk pembangunan program TVET bagi tujuan akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) atau pentauliahan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah meluluskan pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang melibatkan tiga perkara berikut:

- i. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama (Joint Technical Committee, JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang antara lainnya menyelaraskan dasar jaminan kualiti program TVET dan mengesahkan OISP;
- ii. Pemakaian Kod Amalan Akreditasi Program TVET (Code of Practice for Program TVET Accreditation, COPTPA) dalam melaksanakan jaminan kualiti program TVET; dan
- iii. Prinsip artikulasi dan laluan pembelajaran graduan TVET dari Sijil hingga Kedoktoran.

2.2 COPTPA secara khusus menyatakan program TVET perlu dibangunkan berasaskan pekerjaan dan amalan baik industri. Ini selari dengan konsep *industry-led programme* yang mana pembangunan, penawaran program, pentaksiran pelatih, tenaga pengajar, kemudahan/peralatan dan semakan semula program perlu melibatkan pihak industri.

2.3 Justeru, Daftar OISP yang dicadangkan berfungsi sebagai satu **depository** senarai standard/amalan pekerjaan (termasuk National Occupational Skills Standard, NOSS), garis panduan/ketetapan dan amalan industri yang mendapat pengesahan JTC Jaminan Kualiti Tunggal TVET.

2.4 Pihak industri, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), Penyedia Latihan dan lain-lain pihak berkepentingan boleh menjadikan Daftar OISP sebagai rujukan:

- i. senarai OISP yang telah mendapat pengesahan JTC Jaminan Kualiti Tunggal TVET;
- ii. untuk pembangunan program dan latihan yang berstruktur;
- iii. untuk pengukuran prestasi dan pembangunan pelatih dan pekerja dalam industri yang berkaitan; dan
- iv. amalan baik proses kerja, pengiktirafan dan pensijilan industri.

- 2.5 Pelaksanaan Daftar OISP merupakan sebahagian daripada komponen penting dalam Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang dijangkakan dapat:
- i. membuka ruang yang lebih luas kepada penglibatan yang signifikan dan sistematik daripada pihak industri dalam melahirkan pelatih dan tenaga kerja berkemahiran dalam industri di Malaysia; dan
 - ii. menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti produk dan perkhidmatan.
- 2.6 Pendaftaran OISP dalam Daftar OISP melibatkan perkara-perkara berikut:
- i. Kategori pendaftaran OISP;
 - ii. Kriteria OISP; dan
 - iii. Proses pendaftaran OISP

3.0 SKOP

- 3.1 Prosedur ini boleh digunakan oleh pemilik standard/amalan industri yang merupakan Badan Kawal Selia atau Badan Peneraju Industri Utama (Industry Lead Body, ILB)/organisasi yang menyediakan dokumen berkaitan standard/amalan industri tertakluk kepada memenuhi kriteria berikut:
- i. Mempunyai **kredibiliti yang kukuh** dalam industri dan **mempunyai punca/sifat kuasa** untuk membina standard/amalan industri tersebut; dan
 - ii. Membina standard/amalan industri melalui **prosedur yang teratur** dan **merujuk kepada spesifikasi amalan baik industri**.
- 3.2 Organisasi pemilik standard/amalan industri adalah seperti berikut:
- i. MQA dan/atau JPK yang menjadi badan jaminan kualiti program TVET;
 - ii. Agensi Awam atau badan berkanun atau badan profesional yang menetapkan amalan industri bagi tujuan perlesenan atau pengesahan *competency*.

Sebagai contoh: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, *Civil Aviation Authority Malaysia* (CAAM), Jabatan Laut, *Construction Industry Development Board* (CIDB);

- iii. Badan Peneraju Industri Utama (*Industry Lead Body*, ILB) yang diperakui oleh Jawatankuasa Pemerkasaan TVET atau Kementerian atau agensi kerajaan yang berkaitan.

Sebagai contoh: SIRIM, *Malaysian Association of Travel and Tour Agent* (MATTA), *Malaysia Association of Hotel* (MAH), *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC); atau

- iv. Organisasi-organisasi lain yang kredibel untuk menghasilkan standard/amalan pekerjaan dan industri yang dipersetujui oleh JTC Jaminan Kualiti Tunggai TVET.

Nota:

Permohonan mestilah daripada pemilik standard/amalan industri sekiranya standard/amalan industri tersebut diguna pakai dalam program/latihan. PPT/Penyedia Latihan hanya bertindak sebagai rakan kongsi kepada pemohon.

4.0 SYARAT-SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN PENDAFTARAN

- 4.1 Standard/amalan industri yang didaftarkan dalam Daftar OISP terbahagi kepada 2 kategori permohonan seperti berikut:

- 4.1.1 **Kategori A:** Standard atau garis panduan/ketetapan atau yang setara yang dibangunkan oleh MQA atau JPK, agensi/jabatan yang menetapkan amalan industri bagi tujuan perlesenan atau pengesahan *competency*, badan profesional atau badan kawal selia yang ditubuh di bawah akta yang berkaitan yang memberi penekanan kepada amalan industri dan pekerjaan serta menyokong kepada pelaksanaan COPTPA seperti:

- (a) Standard atau garis panduan/ketetapan **sedia ada**;

- (i) Standard:

- *National Occupational Skills Standard* (NOSS), JPK
- *National Competency Standard* (NCS), JPK

- (ii) Garis panduan pembangunan dan penyampaian program TVET:

- *Guidelines to Good Practices: Work-Based Learning* (WBL), MQA
- Daftar Kurikulum Sistem Latihan Dual Nasional (K-SLDN)
- Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- Garis Panduan Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum TVET, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
 - *Technology and Technical Accreditation Council (TTAC) Manual 2019*, MBOT
- (iii) Amalan industri oleh badan kawal selia perlesenan dan persijilan seperti CIDB, CAAM, Jabatan Laut dan *Department of Occupational Safety and Health (DOSH)*.
- (b) Standard atau garis panduan/ ketetapan **baharu** atau yang setara yang memberi penekanan kepada amalan industri dan pekerjaan serta menyokong kepada pelaksanaan COPTPA yang dibangunkan oleh JPK / MQA. Sebagai contoh: Standard Program (SP) TVET, Kurikulum TVET, NOSS baharu.

Nota:

- i. Proses penilaian (a) dan (b) perlu melalui kelulusan oleh Majlis MQA, Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) atau lembaga/majlis badan profesional berkaitan sebagai Standard / Garis Panduan dan seterusnya dibawa kepada Jawatankuasa Teknikal Bersama Jaminan Kualiti Tunggal TVET (JTC JK TVET) untuk pengesahan pendaftaran dalam Daftar OISP TVET.
 - ii. Permohonan di bawah Kategori A ini tidak memerlukan penilaian semula di peringkat Jawatankuasa Penilaian Permohonan (JPP) kerana standard/amalan industri tersebut telah melalui proses penilaian dan saringan yang jelas serta telah diluluskan di peringkat pengurusan tertinggi agensi/jabatan atau badan masing-masing. Walau bagaimanapun, permohonan boleh dinilai semula oleh JPP (di bawah Kategori B) sekiranya proses penilaian dan kelulusan tidak jelas atau tidak dilaksanakan di peringkat pengurusan tertinggi agensi/jabatan atau badan tersebut.
- 4.1.2 **Kategori B:** Standard/amalan pekerjaan dan industri bagi bidang pekerjaan yang **belum ada atau yang kemaskini** kepada senarai bidang dalam Daftar OISP. Standard/amalan pekerjaan dan industri kategori ini perlu mendapat pengesahan daripada peneraju industri utama (*Industry Lead Body, ILB*).

Bagi permohonan di bawah **Kategori B**, setiap OISP perlu mewajibkan perkara-perkara berikut:

- i. Jawatankuasa pembangun dan pengesah amalan industri;
- ii. Nama pekerjaan berkaitan (*Related job title*);
- iii. Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) & Malaysia Standard Classification of Occupation (MASCO);
- iv. Kelayakan dan/atau pengalaman yang diperlukan;

- v. Deskripsi tugas/ kompetensi (definisi dan hasil kompetensi);
- vi. Pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan (aktiviti kerja dan langkah kerja untuk setiap tugas);
- vii. Faktor keselamatan, sikap dan persekitaran kerja (makmal, bengkel, ruang kerja);
- viii. Fasiliti dan sumber (alat, peralatan, bahan dan bekalan);
- ix. Kriteria penilaian kompetensi (teori dan amali); dan
- x. Perkara-perkara lain yang berkaitan (Contoh: Perundangan)

Nota:

- i. Pemilik standard/amalan industri boleh menetapkan kawalan dan penggunaan standard / amalan pekerjaan dan industri selagi mana tidak menjejaskan proses akreditasi dan pentauliahan.
- ii. Proses Kategori B perlu melalui **Jawatankuasa Penilaian Permohonan (JPP) OISP** sebelum di bawa ke Jawatankuasa Teknikal Bersama Jaminan Kualiti Tunggal TVET (JTC JK TVET) untuk pengesahan pendaftaran dalam Daftar OISP.
- iii. Standard/amalan industri Kategori B akan dinilai oleh panel pakar industri sekiranya perlu.

5.0 PRINSIP PELAKSANAAN PENDAFTARAN

- 5.1 Pendaftaran OISP tidak terhad kepada standard/amalan pekerjaan dan industri yang mengkhusus terhadap kompetensi pekerjaan dalam bidang tertentu sahaja. Daftar ini juga boleh menyenaraikan ketetapan berkaitan proses-proses dalam pembangunan dan penyampaian program TVET. Sebagai contoh: Garis Panduan Amalan Baik WBL dan Daftar Kurikulum Sistem Latihan Dual Nasional (K-SLDN).
- 5.2 Penyedia TVET yang ingin melalui penilaian akreditasi MQA boleh dan digalakkan merujuk NOSS dalam mereka bentuk program TVET secara bersesuaian berdasarkan kepada tahap dan keperluan program.
- 5.3 Bagi memastikan sesuatu program itu diklasifikasikan sebagai program TVET, penyedia TVET boleh merujuk kepada senarai standard/amalan industri dalam Daftar OISP semasa membangunkan dan menawarkan program dan **perlu mematuhi COPTPA**. Setiap program TVET yang ditawarkan perlu melalui akreditasi MQA atau pentauliahan oleh JPK. Dalam konteks MQA, di dalam borang permohonan akreditasi program TVET, penyedia TVET perlu menyatakan standard/amalan industri termasuk NOSS yang dirujuk.

6.0 PROSES PERMOHONAN

- 6.1 Proses permohonan pendaftaran dan pembaharuan penyenaian dalam Daftar OISP adalah seperti yang dinyatakan dalam Carta Alir seperti di **Lampiran 1**.

7.0 BORANG PERMOHONAN

7.1 Pemohon hendaklah mengemukakan:

7.1.1 Borang Permohonan Pendaftaran OISP (**Lampiran A**)

NOTA:

KATEGORI A: Standard atau garis panduan/ ketetapan didaftarkan di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), agensi/jabatan yang menetapkan amalan industri bagi tujuan perlesenan atau pengesahan *competency*, badan profesional atau badan kawal selia yang ditubuh di bawah akta yang menguatkuasakan amalan industri dan pekerjaan serta menyokong kepada pelaksanaan COPTPA.

KATEGORI B: Standard/amalan pekerjaan dan industri bagi bidang pekerjaan yang belum ada atau yang kemaskini kepada senarai bidang OISP. Standard/amalan pekerjaan dan industri kategori ini perlu mendapat pengesahan daripada peneraju industri utama (*Industry Lead Body, ILB*).

7.2 Pemilik standard/amalan industri hendaklah mengemukakan minimum 3 nama panel pakar yang terlibat dalam pembangunan standard/amalan industri. Senarai panel pakar tersebut akan dipertimbangkan untuk dilantik sebagai Ahli Panel Penilai TVET (APV). APV akan bertindak sebagai panel penilai permohonan program TVET.

Nota:

Bagi perkara 5.2 dan rujukan terhadap NOSS yang dinyatakan dalam Prosedur ini hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Makluman MQA Bil. 1/2022 bertarikh 19 Januari 2022 – ‘Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: NOSS sebagai *Occupational / Industry Standards and Practices (OISP)* Bagi Maksud Permohonan Akreditasi Program TVET Kepada Agensi Kelayakan Malaysia’. Ketetapan ini terpakai sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

8.0 CAJ PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN OISP

8.1 Caj permohonan dan pendaftaran dalam OISP adalah bagi permohonan **Kategori B** sahaja.

8.2 Caj yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Amaun (RM)
1.	Permohonan Pendaftaran Baharu / Pembaharuan Pendaftaran	1,000

Nota:

Caj tambahan akan dikenakan bagi permohonan yang melibatkan penilaian panel pakar industri. Sesi pembentangan akan diadakan hanya jika diperlukan.

9.0 TEMPOH SAH LAKU PENYENARAIAAN DALAM DAFTAR OISP

- 9.1 Penyenaraian standard/amalan industri bagi **Kategori A** perlu disemak dari semasa ke semasa tertakluk kepada ketetapan badan kawal selia yang berkaitan.
- 9.2 Tiada tempoh sah laku bagi standard/amalan industri bagi **Kategori A**. Penyenaraian standard/amalan industri bagi **Kategori B** sah untuk **lima (5) tahun** dari tarikh keputusan.
- 9.3 Permohonan pembaharuan pendaftaran perlu dikemukakan kepada urusetia tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah laku. Sekiranya tiada pemakluman diterima, tempoh sah laku OISP dalam daftar OISP akan terhad kepada tempoh yang diluluskan sahaja.
- 9.4 Pemilik standard/amalan industri yang berjaya didaftarkan perlu menyediakan dan menyelenggara OISP terbabit di laman sesawang organisasi masing-masing. Daftar OISP akan menyediakan pautan ke laman sesawang tersebut.
- 9.5 Pemilik standard/amalan industri .bertanggungjawab untuk memaklumkan urusetia sekiranya terdapat perubahan besar (*substantial*) terhadap OISP di laman sesawang masing-masing.

10.0 URUS SETIA DAFTAR OISP

Permohonan yang lengkap boleh dimajukan kepada:

Bahagian Standard
Malaysian Qualifications Agency (MQA)
Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN
(u.p.: Urusetia Daftar OISP)

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan melalui pautan berikut:

<https://www2.mqa.gov.my/sppa/pertanyaan.cfm>

Carta Alir Proses Permohonan Pendaftaran dan Pembaharuan Penyenaiaan dalam Daftar OISP

